



## **Peranan dan Tanggungjawab Belia dalam Pengurusan Pembangunan Islam**

**Siti Aisah binti Abdullah<sup>1</sup>, Siti Amal Izzati binti Mohammed Dani<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam (18B0709@unissa.edu.bn)

<sup>2</sup> Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam (18B0713@unissa.edu.bn)

### **ABSTRAK:**

*Belia adalah satu-satu aset yang amat penting dan berharga serta merupakan tonggak dan kekuatan masa depan bagi pembangunan agama dan negara. Agama Islam juga memandang akan kepentingan belia dalam pembangunan Islam dan umatnya. Tajuk artikel ini adalah peranan dan tanggungjawab belia dalam pengurusan pembangunan Islam. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk memberi kesedaran terhadap kepentingan belia dalam pengurusan pembangunan Islam. Selain itu, artikel ini juga berobjektif untuk memberi kesedaran terhadap belia muslim untuk menyemai sikap bertanggungjawab dalam peranan mereka sebagai pemimpin dalam pengurusan pembangunan Islam. Artikel ini juga akan memfokuskan peranan dan tanggungjawab belia muslim dalam pembangunan Islam berdasarkan pengurusan yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Kajian bagi tajuk artikel ini akan melihat kepada contoh dan teladan terhadap sejarah Islam yang berkaitan dengan tokoh-tokoh belia Islam di dalam memperjuangkan pembangunan Islam. Dari sini, kita dapat mengambil contoh untuk belia pada zaman ini supaya dapat mengimplikasikan sifat-sifat dan semangat kepimpinan mereka bagi pembangunan Islam. Jika seorang belia itu bertanggungjawab di dalam peranannya dalam pengurusan pembangunan Islam, maka belia ini akan menjadi pemimpin bagi umat Islam untuk mencapai objektifnya ke arah pembangunan Islam berdasarkan pengurusan Islam.*

**KATA KUNCI:** [peranan; belia; pengurusan; pembangunan; Islam]

### **PENDAHULUAN**

Pengurusan pembangunan Islam ialah menguruskan pembangunan secara Islam, dan bukan berteraskan Islam. Pembangunan di sini ialah merujuk kepada pembangunan konvensional yang hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal dan material semata-mata. Namun, agama Islam adalah

agama yang menyeluruh yang mana ianya meliputi segala aspek dan ini tidak mengecualikan di dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan pembangunan itu sendiri.

Di dalam pengurusan pembangunan Islam, masyarakat terutamanya golongan belia memainkan peranan dan tanggungjawab yang sangat penting. Oleh itu, peranan dan tanggungjawab ini tidak hanya terhad kepada pemerintah atau ketua dan sesiapa yang memegang jawatan yang tinggi.

Belia merupakan asset yang pentinguntuk memainkan peranan mereka dalam pengurusan pembangunan Islam. Ini kerana mereka merupakan agenda dan matlamat utama di dalam sebuah pembangunan. Abdullah Nasih, seorang sarjana Islam berpendapat sekiranya ingin berjaya dalam kehidupan di dunia mahupun di akhirat, terdapat lima asas yang mesti menjadi pegangan belia yang ideal iaitu (i) Iman yang teguh dan tidak mudah goyah; (ii) Keikhlasan yang benar, bukan kepura-puraan atau riak; (iii) Kemahuan yang kuat, tidak kenal takut dan gentar; (iv) Kerja keras tidak kenal lelah; dan (v) Berkorban demi mencapai kemenangan.

Terdapat banyak sekali peranan dan tanggungjawab para belia di dalam pengurusan pembangunan Islam. Namun, hanya beberapa perkara yang penting sahaja yang akan dihuraikan di dalam artikel ini.

## **Peranan Dan Tanggungjawab Belia**

### **Taat Kepada Agama**

Perkara pertama yang harus ditekankan kepada golongan belia di masa kini adalah peranan dan tanggungjawab individu sebagai seorang Muslim yang taat kepada agama berpandukan akidah Tauhid sebagai acuan serta Al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama dalam melaksanakan pengurusan pembangunan Islam. Bahwasanya Allah Ta’ala telah berfirman: “*Kami ceritakan kisah mereka kepadamu (Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk.*” (Al-Kahfi:11).

Belia yang terdahulu patut dijadikan sebagai contoh teladan yang mempunyai kehebatan dan sumbangan yang besar kearah kejayaan dan kegemilangan Islam terutamanya dalam hal ehwal pengurusan pembangunan Islam. Antara tokoh-tokoh masyhur tersebut seperti, Sayyidina ‘Usman,

Sayyidina ‘Ali dan Abdullah bin Mas’ud. Ini adalah antara misi Islam dalam membentuk ummah bukan sahaja berjaya di dunia malahan juga di akhirat.

### Berilmu Pengetahuan

Kemunculan tokoh-tokoh yang mula membicarakan berkaitan isu pengurusan pembangunan berteraskan Islam sudah berlaku sejak awal abad ke-7 lagi. Antara tokoh sarjana Islam yang menyumbang ilmu serta kepakaran dalam bidang pengurusan termasuklah al-Mawardi, al-Ghazali, Fakhruddin al-Razi dan Ibn Taymiyyah. Menjadi belia yang hebat haruslah mempunyai ilmu pengetahuan berpandukan akidah, Al-Quran dan Sunnah bagi menyumbangkan idea-idea yang bernalas, kreatif dan inovatif untuk kemajuan yang berlandaskan Islam. Kemasyarakatan juga adalah peluang bagi para belia untuk membentuk keperibadian diri dan mendapat pengalaman sebagai pengetahuan kemahiran dari kepekaan dan kesedaran seperti melakukan kerja-kerja sukarelawan atau berpesatuan sebagai tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Belia muslim yang dilingkungi dengan pemikiran yang kritisikal, terbuka dan positif, rajin berusaha, berinovasi untuk mencapai cita-cita dan matlamat demi meraih *mardhatillah* (keredaan Allah Ta’ala) dan mendekatkan jiwa (rohani) ke arah ketaqwaan, keimanan dan kegemilangan hasilnya akan menjadi individu yang berpotensi dan cemerlang.

### Mempelbagaikan kemahiran diri

Peranan seorang belia di dalam pengurusan pembangunan Islam ialah untuk menjadi seorang pemimpin yang mana belia itu sendiri juga akan memimpin Ummah di dalam sebuah kemajuan ataupun pembangunan. Walau bagaimanapun, belia juga perlu mengambil peluang di dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dengan mempelbagaikan kemahiran diri kerana ciri-ciri seorang pemimpin itu adalah bersifat holistik. Ini bermakna, mempunyai ciri-ciri kepimpinan sahaja adalah tidak mencukupi dan iannya hendaklah disertakan dengan kemahiran diri yang lainnya. Di era globalisasi ini, belia yang menjadi agenda utama bagi sebuah pembangunan yang berdasarkan Islam hendaklah mahir dalam bidang teknologi (IT).

Hal yang sedemikian adalah kerana bidang teknologi (IT) merupakan salah satu daripada *skills* yang menjadi kelayakan di dalam setiap pekerjaan, ini juga termasuk di dalam pekerjaan yang memerlukan aktiviti kepimpinan.

Selain itu, belia juga akan dapat menambah ilmu pengetahuan melalui sumber teknologi (IT) disamping melaksanakan pembelajaran konvensional. Antara kemahiran diri yang perlu diperaktikkan oleh seorang belia ialah kemahiran di dalam berkomunikasi, yang mana akan memudahkan para belia untuk memenuhi keperluan masyarakat melalui komunikasi yang jelas dan berhasil. Di samping itu, kemahiran diri yang lain juga perlu diterapkan dalam diri seorang belia muslim seperti mahir dalam berkolaborasi ataupun *teamwork* dan yang penting sekali adalah mahir dalam menegakkan syiar Islam seperti menyampaikan dakwah Islamiah dan sebagainya.

### **Menerapkan personaliti dan sifat yang mulia**

Islam menekankan umatnya untuk memiliki personaliti (*akhlaq*) yang mulia. Hal ini adalah kerana personaliti (*akhlaq*) yang baik itulah yang akan dapat ‘memandu’ masyarakat dalam pengurusan pembangunan Islam dan mencapai objektif pembangunan tersebut. Belia yang mempunyai personaliti yang mulia akan menjadi *role-model* bagi masyarakat. Allah SWT telah mengutus Rasulullah SAW sebagai utusanNya dan kita sudah maklum bahawa baginda Rasulullah SAW mempunyai sifat-sifat yang tinggi dan terpuji dan inilah yang sepatutnya dicontohi oleh para belia yang memainkan peranan yang penting di dalam pengurusan pembangunan Islam. Sifat-sifat tersebut ialah: Benar, amanah, jujur dan bijaksana.

Di dalam sebuah pengurusan dan pentadbiran bagi suatu pembangunan, sifat-sifat ini adalah amat diperlukan supaya mengelakkan daripada berlakunya kehancuran dan kerosakan pada matlamat yang ingin dicapai. Salah satu contoh yang nyata ialah, sifat amanah Rasulullah SAW dalam menyampaikan syariat Islam kepada umat baginda meskipun pelbagai cabaran dan halangan yang dihadapi, namun baginda tetap bersemangat dalam menyampaikan amanah daripada Allah SWT.

Keperibadian seperti ini telah pun diikuti oleh para khalifah selepas baginda seperti Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq, Sayyidina Umar bin Abdul Aziz dan seterusnya di dalam pengurusan pembangunan Islam. Oleh itu, adalah lebih baik bagi para belia menerapkan personaliti yang sedemikian sebagaimana Rasulullah SAW bersabda, “*Sesungguhnya di antara orang-orang yang paling aku cintai dan paling dekat tempat duduknya pada Hari*

*Kiamat denganku yaitu orang-orang yang paling baik akhlaknya.” (H.R Tarmidzi)*

### **Sentiasa berdisiplin dalam membentuk kejayaan**

Belia berperanan dan bertanggungjawab untuk sentiasa memastikan disiplin diri dalam mencapai matlamat dan membentuk kejayaan. Disiplin dalam diri merupakan salah satu kelayakan bagi para belia di dalam pengurusan pembangunan Islam. Maksud disiplin di sini ialah mematuhi segala arahan pemerintah atau ketua dan melaksanakan tugas dengan tatatertib.

Selain itu, belia harus ikhlas dan professional. Profesional juga dapat dimaknai sebagai sifat adil dan berdisiplin dalam melakukan pekerjaan (Elmansyah Al-Haramain, 2014).

Sebagaimana Allah befirman: “*Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia pada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*” (An-Nisa:59).

Ini termasuk menepati masa dan bijak di dalam membuat keputusan. Agama Islam sangat menekankan disiplin di dalam semua aspek dan ini tidak mengecualikan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan untuk sebuah pembangunan.

### **Sihat dari segala aspek**

Agama Islam menekankan kesihatan pada umatnya, terutamanya golongan muda yang pada khususnya ialah belia yang memainkan peranan penting di dalam pengurusan pembangunan Islam. Para belia hendaklah sentiasa menjaga kesihatan bagi kesejahteraan emosional untuk melahirkan perkara-perkara yang positif serta menyumbangkan tenaga, masa dan idea untuk mencapai matlamat pembangunan Islam. Di samping itu, golongan belia hendaklah menjaga dan memastikan ketahanan diri dari segi fizikal, mental dan kerohanian dalam keadaan baik agar bersedia untuk berdaya saing dan berdikari dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Oleh itu, para belia hendaklah aktif untuk sentiasa melakukan riadah dan mengamalkan permakanan yang seimbang serta mengamalkan zikir-zikir

dan bacaan Al-Quran untuk sentiasa sihat menyeluruh, iaitu dari semua aspek. Dengan ini, belia yang bertanggungjawab dalam pengurusan pembangunan Islam bukan sahaja mampu untuk memimpin dan mengurus diri sendiri secara khususnya bahkan juga impaknya akan berdampak kepada masyarakat secara amnya. Di dalam sebuah Hadis Rasulullah SAW, baginda telah memperingatkan mengenai dengan nikmat kesihatan: “*Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang*” (H.R Bukhari)

## KESIMPULAN

Akhirnya, dapat dirumuskan bahawa jika golongan masyarakat dan belia mempunyai kelemahan yang berlaku dalam berbagai bentuktermasuklah lemahnya akidah serta kurangnya mempraktikkan ajaran Al-Quran dan Sunnah, kelemahan mengurus dengan cekap, kekurangan ilmu sains pengurusan,kerendahan akhlak dan moral, kelemahan dan ketandusan pemimpin yang berkesan dan sebagainya, maka akan terjadilah kerosakan atau terdapat kepincangan di dalam pengurusan pembangunan Islam itu sendiri.Bimbingan yang berpandukan ajaran Islam akan mengukuhkan jati diri ke arah menjadikan mereka belia yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Bagi merealisasikan generasi belia yang seimbang dari segi emosi, rohani, jasmani dan intelek berasaskan keimanan yang tinggi kepada Allah Ta’ala.

Kesimpulannya, Islam itu sendiri merupakan penyelesaian kepada pelbagai masalah manusia. Kaedah-kaedah yang ditawarkan dalam Islam pula sangat komprehensif meliputi semua aspek dalam kehidupan. pembentukan akhlak yang luhur dan kemahiran-kemahiran berlandaskan Islam perlu ditekankan sebagai salah satu kaedah ke arah pembentukan belia yang ideal dan cemerlang agar dapat memberi sumbangan kepada kemajuan pengurusan pembangunan Islam dalam meraih keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta’ala.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dipanjangkan kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta’ala kerana dengan izin kurnianya, dapat kami menyempurnakan tugas artikel ini bagi persidangan anjuran BUAF – 5<sup>th</sup> dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini, kami amat berbesar hati untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ustaz Muhammed Sahrin bin Haji Masri, selaku Dekan dan Pensyarah bagi Program Sejarah dan Tamadun Islam kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk menyelesaikan tugasan yang diberikan.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugasan ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugasan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugasan ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

## RUJUKAN

- Abang Mohd. Razif Abang Muis, Mohd Syahmir Alias, Musmuliadi Kamaruding, Mohammad Zulfakhairi Mokhthar. (2018). *Pengurusan Pembangunan Manusia: Analisis dari Perspektif Falsafah Islam*. Diperolehi dari [https://www.researchgate.net/publication/330439919\\_Pengurusan\\_Pembangunan\\_Manusia\\_Analisis\\_dari\\_Perspektif\\_Falsafah\\_Islam\\_Human\\_Development\\_Management\\_Analysis\\_from\\_the\\_Islamic\\_Philosophical-Perspective](https://www.researchgate.net/publication/330439919_Pengurusan_Pembangunan_Manusia_Analisis_dari_Perspektif_Falsafah_Islam_Human_Development_Management_Analysis_from_the_Islamic_Philosophical-Perspective)
- Al-Haramain, E. (2014). *Paradigma Peradaban Islam dalam Tasawuf: Sebuah Pemaparan Awal*. STAIN Pontianak Press.
- Greenop, K. R., Xiao, J., Almeida, O. P., Flicker, L., Beer, C., Foster, J. K., et al. (2011). Awareness of cognitive deficits in older adults with cognitive-impairment-no-dementia (CIND): Comparison with informant report. *Alzheimer Disease and Associated Disorders*, 25(1), 24-33.
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor, Norazlina Abd Wahab. (2015). *Pengurusan Pembangunan Belia dari Perspektif Islam*. Diperolehi dari <http://gbse.com.my/JurnalMs17-25NikPengurusan.pdf>

SS Haji Ahmad. (2014). *Bab Satu Pembangunan Modal Insan Dari Aspek Kerohanian.* Diperolehi dari [http://studentsrepo.um.edu.my/5220/6/Bab\\_satu.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5220/6/Bab_satu.pdf) . Universiti Sains Malaysia